



**POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

DOKUMEN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA KERJA NAIKTARAF SISTEM KEBUK
WASAP DI MAKMAL AGRO TEKNOLOGI & BIO-
INDUSTRI DAN JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL
DI POLITEKNIK NILAI**

**NO. SEBUT HARGA:
PNS(S)/400-7/2/2024-9**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN
BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN
SEBUT HARGA INI SEBELUM MENGISINYA**

KANDUNGAN

NO. ITEM

- 1. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**
- 2. LAMPIRAN Q**
- 3. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**
- 4. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA**
- 5. SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA KERJA**
- 6. BORANG SEBUT HARGA**
- 7. SURAT AKUAN PEMBIDA**
- 8. KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA**
- 9. PENGALAMAN PENYEBUTHARGA**
- 10. JADUAL SPESIFIKASI**

1.0 KENYATAAN AM SEBUT HARGA

- Sebut harga ini terbuka kepada Kontraktor Bumiputera Tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:

Perihal Sebut Harga	Sebutharga Kerja Naiktaraf Sistem Kebuk Wasap Di Makmal Agroteknologi & Bio-Industri Dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Nilai		
Rujukan Fail Sebut Harga	PNS(S)/400-7/2/2024-9		
Kod Pendaftaran Bidang/	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kontraktor Gred G3, Kategori ME, Mekanikal & Elektrikal, Pengkhususan M05		
Tarikh Iklan	27 Mac 2024 (Rabu)		
Tarikh/Masa/Tempat Taklimat	Tarikh	Masa	Tempat
	03.04.2024 (Selasa)	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat Raflesia Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan
Tarikh/Masa Sebut Harga Tutup	Tarikh	Masa	Tempat
	17.04.2024 (Rabu)	Sebelum 12.00 tengah hari	Aras 2, Bangunan Pentadbiran, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

- Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini boleh memuat turun dokumen sebut harga di laman sesawang myGPIS atau laman sesawang Politeknik Nilai pns.mypolycc.edu.my bermula pada 27 Mac 2024 (Rabu)
- Penyebut harga **wajib** menghadiri sesi lawatan tapak seperti yang dinyatakan di atas.
- Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat berlakri yang berasingan bagi **teknikal** dan **kewangan**. Nombor sebut harga beserta tajuk sebutharga hendaklah ditulis di bahagian kiri sampul surat.

5. Semasa sesi lawatan tapak, pihak syarikat dikehendaki membawa Cop Syarikat dan sijil-sijil perakuan kontraktor bagi tujuan pengesahan.
6. Syarikat tidak **DIBENARKAN** menghantar wakil bagi sesi taklimat diadakan.
7. Semasa lawatan di buat, penyebutharga perlu mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian “face mask” adalah perlu diteruskan.
8. Semua keterangan mengenai sebut harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
9. Sebut harga yang lewat dihantar tidak akan diterima/dilayan. Pejabat ini **tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung.
10. Sebarang pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

- | | | |
|-----|--------------------------|--------------------------------|
| i. | Ir. Noraini Bt Suliman | 06-7980418 - Jurutera |
| ii | Noraizaq bin Nordin | 06-7980440 - Penolong Jurutera |
| iii | Mohamad Zaidi bin Zahari | 06-7980440 - Penolong Jurutera |

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga : : PNS(S)/400-7/2/2024-9

(Kew.284-Pin./94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

SEBUTHARGA KERJA-KERJA

Kepada (Nama Syarikat)
No.Telefon
No. Pendaftaran dengan Kem.Kewangan :
.....
Kod Bidang : G3,ME M05

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan Oleh :
Pengarah,
Politeknik Nilai
Kompleks Pendidikan BandarEnstek,
Negeri Sembilan
No. Tel : 06-7980400 No. Faks : 06-7911269

Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda "No. Sebutharga **PNS(S)/400-7/2/2024-9**
- 1.2 Syarat Penyelenggaraan /Penyempurnaan:.....
- 1.3 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan:.....
- 1.4 Arahan Pengiriman: **PENGARAH, POLITEKNIK NILAI.**
- 1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **17 April 2024 jam 12.00 tengahari.**
- 1.6 Tempoh sahlaku Sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : Tandatangan :.....
Nama Pegawai : T/B
Jawatan : T/B

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas.	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	SEBUT HARGA KERJA NAIK TARAF SISTEM KEBUK WASAP DI MAKMAL AGRO TEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI DAN JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL DI POLITEKNIK NILAI	-	-	Lump Sum	
				JUMLAH	

- i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan
- ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan kerja-kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :
Nama :
No. K/P :
Alamat Syarikat :
Tarikh :

3.0 SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar

balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. KUANTITI TAWARAN/KUANTITI TAMBAHAN

Pegawai empunya barangan boleh meminta tambahan barangan / peralatan untuk penghantaran ini dengan syarat mendapat persetujuan pembekal dan tidak melibatkan sebarang liabiliti oleh Kerajaan.

10. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

11. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

13. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

- 15.1 Harga yang dikemukakan mestilah **TIDAK TERMASUK KENAAN CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (CJP)**. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas kecuai/kesilapan terhadap harga yang ditawarkan.
- 15.2 Pembekal hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran CBP dengan mengemaskini maklumat CBP dalam Modul Pengurusan Pembekal selewat-lewatnya pada tarikh tutup Sebut Harga.
- 15.3 Sekiranya pembekal yang berjaya didapati berdaftar di bawah Akta CBP 2014, maka Kerajaan akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dengan menawarkan Harga Sebut Harga Tanpa CBP yang dicampurkan dengan kos kenaan cukai CBP. Sebaliknya sekiranya pembekal yang berjaya tidak berdaftar di bawah Akta CBP 2014, maka hanya Harga Sebut Harga Tanpa CBP sahaja akan disetujui terima melalui SST.
- 15.4 Bagi pembekal yang mengisytiharkan tidak berdaftar di bawah Akta CBP 2014, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar di bawah Akta CBP 2014 setelah Harga Sebut Harga Tanpa CBP tersebut disetujui terima oleh Kerajaan, maka pembekal yang berjaya tersebut hendaklah memohon kepada Kerajaan bagi pelarasan harga berkaitan dengan kenaan CBP semasa untuk baki Harga Kontrak yang dikenakan CBP dengan mengemukakan satu salinan surat kelulusan pendaftaran CBP daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia berserta dengan nombor pendaftarannya.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN

- 17.1 Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran Sebut Harga daripada mana-mana penyebut harga yang menyertai sebut harga ini.
- 17.2 Kerajaan berhak untuk mengadakan perbincangan/ rundingan lanjut dengan pembekal yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.
- 17.3 Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan pembekal yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetujui terima.
- 17.4 Keputusan adalah muktamad. Kerajaan adalah tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab ke atas mana-mana cadangan tawaran yang tidak berjaya.

17.5 Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pembekal yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh Kerajaan.

18. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

19. INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

19.1 Perkara ini adalah merujuk kepada Kementerian Kewangan Malaysia melalui 1PP, PK 1/2013 -Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan.

19.2 Kesemua pembekal yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatanganan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan di Modul Pendaftaran Pembekal Sistem eP) yang mengandungi pengakuan bahawa :

- (i) Pembekal tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- (ii) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.

19.3 Sekiranya pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (withhold) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya,tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

19.4 Pembekal yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendakimenandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

20. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

20.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerimaapa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

- 20.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.
- 20.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan pembekal atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.
- 20.4 Mana-mana pembekal atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

4.0 ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam dokumen sebut harga sebelum mengisinya.

2.2 Penyebutharga yang melakukan kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal di dalam sebut harga, maka sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

Lampiran Q

Surat Akuan Pembida

Borang Sebut harga

Surat Perwakilan Kuasa

Latar Belakang Syarikat

Senarai Pengalaman Kontraktor

Spesifikasi Kerja dan tawaran harga

2.4 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.5 Penyebutharga perlu memastikan dokumen sebut harga lengkap dihantar seperti di dalam senarai semak di lampiran E.

2.6 Sekiranya terdapat sebarang dokumen diatas tidak dipatuhi dan ditandatangani, maka Sebutharga boleh terbatal.

2.7 Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga yang di atas Meja Sebut harga (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Sebut harga) akan diberi secara kontrak

3. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 3.1 Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan rujukan sebut harga **PNS(S)/400-7/2/2024-9** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- 3.2 Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- 3.3 Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak dipertimbangkan.
- 3.4 Kegagalan penyebutharga mengembalikan Dokumen Sebut harga pada tarikh tutup sebut harga akan membolehkan sebut harga tersebut ditolak.

4. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi minggu.

5. PENJELASAN LANJUT

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebutharga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

5.0 SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS / BON PERLAKSANAAN

3.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan Malaysia dan Kontraktor mengambil perkara-perkara seperti berikut:-

- (a) Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah nilai Sebutharga, jika nilai yang tawarkan melebihi RM200,000.00. (Kontraktor dibenarkan membuat pilihan untuk mengemukakan Jaminan Bank atau Jaminan Insurans atau memilih dikenakan Wang Jaminan Pelaksanaan).
- (b) Polisi Insuran Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang dan kerosakan kepada harta), dan
- (c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO). bagi tempoh pelaksanaan kerja Inden ini.

3.2 Kontraktor hendaklah memastikan pekerjaannya mempunyai perlindungan di bawah PERKESO (warganegara/penduduk tetap) atau perlindungan Insuran Workmen's Compensation untuk semua pekerja dengan mengemukakan salinan Nombor Kod Pendaftaran PERKESO atau perlindungan insuran yang mana berkaitan kepada Agensi Kerajaan sebelum memulakan kerja. Walau bagaimanapun, bagi tujuan memulakan kerja, nota perlindungan dan resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Agensi Pelaksana berhak mengambil tindakan sewajarnya.

3.3 Kontraktor boleh menuntut semula pembayaran yang dilakukan untuk pembelian insuran yang berkaitan dengan memasukkan butiran dalam tuntutan pembelian insuran berserta dokumen-dokumen sokongan. Amaun tuntutan insuran tersebut hendaklah sama dengan senarai kuantiti [Bill of Quantity (BQ)]

3.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja bagi tempoh pelaksanaan kerja termasuk tempoh tanggungan kecacatan sepertimana yang

ditetapkan mengikut had liabiliti berpandukan Surat KPKR (28) dlm. JKR.KPKR:020.050/03 Klt. 5 bertarikh 9 Mei 2002.

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kkerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
- 3.2 Kerja-kkerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

(i) Suruhanjaya Tenaga

(ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan

(iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik

(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat

(v) Pihak Berkuasa Tempatan

- 3.3 Kontraktor hendaklah mengambil gambar sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan.

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kkerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurna.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

- 9.1 Kontraktor dikehendaki menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan kontraktor menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan dan kegagalan memenuhi tanggungan kecacatan akan menjejaskan peluang kontraktor untuk mendapat projek Kerajaan di masa hadapan.
- 9.2 Politeknik Nilai berhak membatalkan Inden Kerajaan/SST sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran berada dalam keadaan berikut:
- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
 - (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
 - (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
 - (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
 - (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

- 11.1 Pembayaran akan dilakukan apabila kerja-kerja siap dilaksanakan oleh sepenuhnya oleh Kontraktor.
- 11.2 Kontraktor perlu menyediakan laporan berikut sebelum pembayaran boleh dibuat seperti berikut:
- i. menyediakan gambar sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan;
 - ii. gambar tersebut hendaklah dibuat dalam tiga (3) salinan meliputi gambar sebelum, semasa dan selepas;
 - iii. bilangan gambar yang disediakan hendaklah tidak kurang dari 10 keping bagi setiap set salinan; dan
 - v. perakuan siap kerja yang telah disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab
 - vi. Borang perakuan serahan siap kerja daripada kontraktor
 - vii. Borang perakuan siap memperbaiki kecacatan

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan

yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.
- 12.1 Kontraktor bertanggungjawab untuk membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati spesifikasi.
- 13.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

13. PELANJUTAN TEMPOH SIAP KERJA

Pelanjutan tempoh siap kerja boleh dibenarkan dengan kelulusan Politeknik Nilai tertakluk kepada syarat-syarat di dalam surat tawaran.

14. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sepenuhnya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA KERJA NAIK TARAF SISTEM KEBUK WASAP DI MAKMAL AGRO
TEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI DAN JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL DI POLITEKNIK
NILAI**

PNS(S)/400-7/2/2024-9

Saya,(Nama Wakil Syarikat)..... No. Kad Pengenalan yang mewakili(Nama Syarikat)..... nombor Pendaftaran(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam{Nama Kementerian/Agensi}..... atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
 - 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa—
 - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
 - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. KP : _____

Tarikh : _____

Cap Syarikat : _____

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

LATAR BELAKANG SYARIKAT

1. Nama Syarikat : _____
2. Alamat syarikat : _____

3. No. Telefon : _____
No. Faks : _____
4. No.Pendaftaran Kementerian Kewangan : _____
5. Tarikh Tamat Pendaftaran : _____
6. No.Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB : _____
7. Tarikh Tamat Pendaftaran : _____
8. Tarikh Syarikat ditubuhkan : _____
9. Jenis Perniagaan : _____
10. Taraf Syarikat (Bumiputera / Bukan Bumiputera): _____
11. LEMBAGA PENGARAH / PEMEGANG SAHAM UTAMA / PEMEGANG EKUITI

BIL	NAMA	NO. K/P	JawataN Dalam Syarikat
1			
2			
3			
4			
5			

12. KOMPOSISI MODAL

Bil	Komposisi Modal	Bilangan Pemegang	Jumlah Unit	%
1	Bumiputera			
2	Bukan Bumiputera			

13. KOMPOSISI KAKITANGAN

Bil	Komposisi Kakitangan	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
1	Pengurusan			
2	Eksekutif /Profesional			
3	Teknikal			
4	Perkeranian			

14. Komposisi Modal

Modal yang dibenarkan	Modal Berbayar

15. Data-Data Kewangan

Aset (A)	Liabiliti (B)	Nilai Kewangan (A) - (B)
Semasa :	Semasa :	Modal Pusingan :
Tetap :	Tetap :	Modal Tetap :
Jumlah :	Jumlah :	Jumlah :

16. Nama bank : _____

17. Alamat Cawangan Bank : _____

18. No.Akaun Bank : _____

19. Kemudahan Kredit (Jika Ada)

Nama Bank	
Alamat Bank	
No. Akaun Bank	

20. Bentuk Dan Baki Amaun Yang Boleh Digunakan Untuk Projek Ini:

Overdraf atau Talian Kredit RM	RM
Overdraf Bercagar RM	RM
Pinjaman tetap yang akan/layak diperolehi untuk projek	RM
Jumlah	RM

Peringatan Penting:

** Sila sertakan Penyata Bulanan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Syarikat :

Tarikh : _____

SENARAI PENGALAMAN PENYEBUTHARGA

(TAHUN 2021-SEHINGGA KINI SAHAJA)

BIL	Nama Bekalan	Jabatan / Agensi	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Bekalan	Tempoh Kontrak

Peringatan :

.....

(Tandatangan Kontraktor)

Sila sertakan satu salinan surat Tawaran/Surat Setuju Terima bagi Alamat & setiap kontrak yang disenaraikan dan juga surat-surat Kepujian mengenai prestasi yang dikeluarkan oleh pihak yang berkenaan jika ada.(WAJIB)

Nama :

Cop syarikat :

Tarikh :

JADUAL SPESIFIKASI

SEBUT HARGA KERJA NAIK TARAF SISTEM KEBUK WASAP DI MAKMAL AGRO TEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI DAN JABATAN KEJURUTERAN MEKANIKAL DI POLITEKNIK NILAI

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUAN TITI	HARGA PER UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	KERJA AWALAN				
1.1	Menyediakan insurans, tenaga kerja bagi pemasangan, keperluan peralatan, pengangkutan, tangga akses, perancah, peralatan perlindungan diri dan lain hal yang berkaitan termasuk inspection on site sebelum memulakan kerja.	LS	LS		
1.2	Melakukan Testing & Commissioning bersama pihak Politeknik Nilai serta melakukan pemeriksaan dan pengujian keberkesanan peralatan setelah pemasangan selesai oleh Hygiene Technician 2 (HT2), serta mengemukakan hasil pemeriksaan dan mengeluarkan laporan lengkap.	LS	LS		
1.3	Menyediakan lukisan siap bina (As- Built Drawing) yang diperakui oleh Jurutera Profesional dan mengemukakan kepada Pegawai Penguasa dalam bentuk softcopy dan hardcopy bersaiz A3 sebanyak tiga (3) set Salinan	LS	LS		
2.0	KERJA NAIK TARAF SISTEM KEBUK WASAP DI MAKMAL AGRO TEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI				
2.1	Memasang Fume Hood baharu berteknologi terkini atau setara beserta pemasangan elektrik, penyambungan dan aksesori di makmal agroteknologi dan bio-industri JAB mengikut spesifikasi berikut atau setara : - a) kabinet jenis General Purpose Fume Hood bersaiz 1500(L)x800(W)x1500(H) SIRIM b) inlet 8 inch PP Centrifugal Suction Fan with 1.5HP motor c) stainless steel flip open airfoil with spillage catchment d) chain and sprocket sash system e) chemical resistant fiber reinforced polyester f) safety workzone line indicator and raised edge surface	NO	6		
2.2	Memasang Laminar Flow Hood baharu berteknologi terkini atau setara beserta pemasangan elektrik, penyambungan dan aksesori di makmal agroteknologi dan bio-industri JAB mengikut spesifikasi berikut atau setara : -	NO	6		

	<p>Kabinet jenis Vertical Laminar Flow Hood, External Size1300(W)x700(D)x2340(H), Internal Size1200(H)x575(D)x625(H) b) Work Surface Height: 750~1010mm c) Max Opening: 480mm d) Airflow Velocity: 80~99fpm e) Pre-Filter: Polyester fiber, HEPA Filter: One, 99.995% efficiency at 0.3µm h) Noise: ≤68dB(A) i) Illumination: ≥300lx</p>				
2.3	<p>Memasang kabinet penyimpanan bahan kimia baharu berteknologi terkini atau setara beserta pemasangan elektrik, penyambungan dan aksesori di makmal agroteknologi dan bio-industri JAB mengikut spesifikasi berikut atau setara : -</p> <p>a) Kabinet jenis Filtering Safety Cabinet 1090(L)x545(W)x1900(H) beserta glass door, air inlet, lighting, active coal filter dan filter saturation alarm b) motor jenis Inlet PP Centrifugal Fan 0.25 kW x 2 unit, 6 inch inlet beserta aksesori c) Automatic Variable Air Volume Damper 6 inch inlet x 2 unit beserta aksesori d) Memasang ducting jenis PPs atau PVDF 6 inci dipasang dari kabinet hingga ke motor dan outlet exhaust serta aksesori e) Pendawaian dari DB dan kotak kawalan motor auto switching with timer serta damper serta aksesori</p>	NO	4		
2.4	<p>Memasang kabinet penyimpanan bahan mudah terbakar baharu dengan teknologi terkini dan aksesori di makmal agroteknologi dan bio-industri JAB mengikut spesifikasi berikut atau setara : -</p> <p>Kabinet jenis Flammable Storage Cabinet 1090(W)x460(D)x1650(H) beserta hazard label, twin door, air hole, latch lock, adjustable shelves & foot dan PP tray</p>	NO	2		
2.5	<p>Memasang kabinet penyimpanan bahan mudah menghakis baharu dengan teknologi terkini dan aksesori di makmal agroteknologi dan bio-industri JAB mengikut spesifikasi berikut atau setara : -</p> <p>Kabinet jenis Polypropylene Corrosive Storage Cabinet 1090(W)x460(D)x1650(H) beserta hazard label, twin door, magnetic door lock, leakage proof adjustable shelves dan welded Propylene structure</p>	NO	2		
2.6	<p>Menaiktaraf sistem pengudaraan bilik tissue baharu yang baru dengan mengikut spesifikasi berikut atau setara beserta pemasangan, pengubahsuaian dan aksesori: -</p> <p>a) menaiktaraf air inlet kepada fresh air supply, active coal filter dan filter saturation alarm</p>	LS	1		

	<p>b) menaiktaraf compressor baharu 4 unit kepada model terkini</p> <p>c) menaik taraf motor blower baharu 2 unit kepada teknologi terkini</p>				
3.0	<p>KERJA NAIK TARAF SISTEM KEBUK WASAP DI MAKMAL JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL</p> <p>Memasang Fume Hood baharu berteknologi terkini atau setara beserta pemasangan elektrik, penyambungan dan aksesori di makmal metallurgy Jabatan Kejuruteraan Mekanikal mengikut spesifikasi berikut atau setara beserta kerja menebuk dan menyimen semula laluan ducting serta kemas dan aksesori : -</p> <p>a) kabinet jenis General Purpose Fume Hood bersaiz 1500(L)x800(W)x1500(H) SIRIM</p> <p>b) inlet 8inch PP Centrifugal Suction Fan with 1.5HP motor</p> <p>c) stainless steel flip open airfoil with spillage catchment</p> <p>d) chain and sprocket sash system</p> <p>e) chemical resistant fiber reinforced polyester</p> <p>f) safety workzone line indicator and raised edge surface</p> <p>g) Memasang ducting jenis PPs atau PVDF bersaiz 8 inci dipasang dari kabinet hingga ke motor dan outlet exhaust serta aksesori</p>	NO	1		
4.0	<p>KERJA NAIK TARAF RUMAH SISA KIMIA</p> <p>Menaiktaraf rumah sisa kimia dan laluan bahan kimia dan tong gas termasuk dengan menambah ruangan simpanan, membina ramp, menebuk, menyimen dan kemas termasuk kerja-kerja berkaitan mengikut spesifikasi berikut : -</p> <p>Menyediakan ruang simpanan tambahan pada bahagian belakang rumah rumah sisa kimia dengan meratakan tapak dan menyimen render dengan ketebalan 3 inci beserta tetulang BRC dengan luas 4000mm(L)x6000mm(W) dan kemas beserta longkang saluran hujan</p> <p>Memasang awning pada ruang simpanan tambahan menggunakan atap jenis metal deck berketebalan 0.4mm, tiang konkrit 4incix4inci dan tetulang atap dari jenis C-Channel 0.7mm</p> <p>Memasang pagar besi pada ruang simpanan tambahan menggunakan pagar jenis anti climb beserta tiang sambungan dan tapak konkrit beserta pintu akses masuk berkunci</p>	LOT	1		

	<p>Mengikat bata bagi menutup ruang pengudaraan rumah sisa kimia sedia ada beserta kemasan dan cat dengan luas 7000mm(W)x500mm(H)</p> <p>Memasang sistem pengudaran pada rumah sisa kimia sedia ada menggunakan exhaust ventilation fan 18inch auto flap sebanyak 2 unit beserta pendawaian autoswitching with timer dan pendawaian dari DB berhampiran</p> <p>Menyediakan longkang chemical spill drain di sekeliling dalam rumah sisa kimia sedia ada dan ruang simpanan tambahan bersaiz 150mm(W)x50mm(H) beserta collection pit 300mm(L)x300mm(W)x500mm(H)</p> <p>Membina laluan ramp jenis konkrit sebanyak 4 unit beserta tetulang BRC dan kemasan dengan saiz 1mx1m</p>				
JUMLAH HARGA					

**Tawaran Harga Tidak Termasuk Cukai SST 8%*

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan kerja-kerja di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

.....

Tarikh :

SENARAI SEMAK

(KERJA-KERJA)

Sila tandakan (✓) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Tanda Oleh Jawatan Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
3.	Salinan Sijil Pendaftaran dari CIDB		
4.	Lampiran Q		
5.	Borang Sebut harga		
6.	Surat Akuan Pembida beserta surat penurunan kuasa		
7.	Keterangan Penyebutharga		
8.	Pengalaman Penyebutharga besertakan bukti pengalaman		
9.	Jadual Spesifikasi Kerja		
10.	Penyata bank tiga (3) bulan yang terkini		
11.	Proposal sekiranya ada		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

*Sila cerakinkan dari dokumen ini

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :